

11 APR 1997

Mahathir-hubungan

PELAJAR BRITAIN FAHAMI MALAYSIA LEBIH JIKA BELAJAR DI SINI

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berminat untuk menerima kemasukan pelajar-pelajar dari Eropah terutamanya Britain, melanjutkan pelajaran di negara ini supaya mereka dapat menghormati sistem nilai Malaysia dan menjadi lebih ramah apabila bekerja dengan akhbar atau pejabat Luar British.

"Malah mereka boleh memahami dan bercakap bahasa Inggeris telor Malaysia dan saya percaya ini akan menguntungkan hubungan Malaysia/Britain," katanya di mesyuarat bersama Persatuan Malaysia-Britain dan Persatuan Britain-Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pelajar-pelajar Britain boleh datang belajar di sini bukan sahaja dalam bidang anthropologi, mengenai ciri-ciri manusia di Asia atau manusia di Malaysia, tetapi mata pelajaran duniawi yang lain.

"Kami beri jaminan universiti-universiti kami juga ada yang bagus. Britain boleh sediakan guru-guru dan pemeriksa luar," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat ASEM di Bangkok tahun lepas memutuskan bahawa ada baiknya pelajar-pelajar Eropah dalam jumlah yang ramai menuntut di universiti-universiti Asia.

Perdana Menteri berkata pelajar Asia yang menuntut di Eropah mempelajari untuk memahami budaya dan cara hidup masyarakat Eropah, begitu juga pelajar Eropah yang belajar di Asia akan belajar memahami budaya dan cara hidup orang Asia.

Yang demikian, katanya mereka akan lebih memahami dan tidak begitu kritikal terhadap masyarakat Asia dan ini akan menyumbang ke arah hubungan yang lebih baik antara Barat dan Timur.

"Lebih daripada satu abad pelajar-pelajar Malaysia pergi ke Britain untuk melanjutkan pelajaran dan ini telah menguntungkan Malaysia dan Britain. Memang Malaysia mendapat faedah dari segi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunannya tetapi di satu segi lagi Britain beruntung kerana kecenderungan mereka yang belajar di United Kingdom untuk memilih apa-apa saja keluaran Britain, terutamanya pelajar-pelajar kejuruteraan," katanya.

"Selain daripada itu, perkongsian antara syarikat-syarikat British dan Malaysia seharusnya dapat berjalan dengan baik di negara-negara ketiga. Syarikat-syarikat Malaysia kini sedang mencuba nasib di banyak negara Selatan," katanya.

Dr Mahathir berkata perniagaan mereka tidaklah begitu teruk sangat tetapi mereka memerlukan lagi kemahiran yang lebih tinggi dan sesetengahnya telahpun mengambil jurutera dan profesional lain dari Britain bekerja dengan mereka.

"Mereka boleh mengambil jurutera dari Russia atau Poland tetapi terdapat masalah bahasa. Kebetulananya orang Britain bercakap bahasa Inggeris dan walaupun bahasa Inggeris yang dicakap oleh orang Malaysia tidak begitu betul, tetapi orang Malaysia dapat memahami dengan baik bahasa Inggeris orang Britain," tambahnya.

Dr Mahathir berkata yang lebih baiknya sekiranya dapat diwujudkan usaha sama antara syarikat-syarikat Malaysia dan Britiain dengan masing-masing menyumbang kekuatan tertentu dan seterusnya meningkatkan keupayaan syarikat usaha sama itu.

Beliau berkata skop kerjasama antara Britain dan Malaysia adalah tidak

terhad dan Britain (dan Amerika) mempunyai kelebihan kerana tidak menghadapi masalah dari segi bahasa.

"Pergeseran tetap akan berlaku tetapi selepas kita mengalaminya sebanyak dua kali persefahaman dan hubungan antara kita menjadi semakin erat dan kita seharusnya mampu menangani pergeseran pada masa akan datang," katanya.

Menurut Dr Mahathir, persatuan-persatuan Malaysia-Britain dan Britain-Malaysia jelas dapat memainkan peranan lebih besar untuk mempertingkatkan hubungan antara kedua-dua negara dan rakyat, dan pertimbangan perniagaan juga perlu diperluaskan dengan meliputi bidang-bidang seperti kebudayaan, pendidikan dan agama.

Dr Mahathir menyambut baik penyertaan syarikat-syarikat multimedia Britain dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kawasan percubaan bagi pewujudan pentadbiran kerajaan secara elektronik, yang merangkumi kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Beliau berkata keseluruhan MSC akan memakan belanja lebih RM100 bilion, dan apabila separuh siap, Malaysia akan menarik syarikat-syarikat dari seluruh dunia menyertainya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak dapat menjayakan projek seperti itu sendirian kerana ia memerlukan bantuan dari negara sahabat "dan rakan-rakan dari Britain adalah secocok kerana mereka mempunyai teknologi dan kemahiran yang diperlukan".

Perdana Menteri kemudian menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kerajaan Britain bagi penubuhan sebuah institut latihan teknikal, dikenali sebagai British Malaysian Institute (BMI).

MARA diwakili oleh pengerusinya Datuk Othman Abdul manakala Britain oleh Pesuruhjaya Tinggi ke Malaysia, David Moss. BMI akan menawarkan diploma British BTEC HND khususnya dalam bidang multimedia - komunikasi, elektronik dan teknologi maklumat - kepada 720 pelajar. -- BERNAMA

ZAB OBA